



BANK ISLAM, TAKAFUL MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK

Meterai perjanjian perkhidmatan Bankatakaful selama lima tahun untuk manfaat pelanggan

KUALA LUMPUR, Jumaat, [21 Mac 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia) untuk memperkukuh kerjasama dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih baik kepada pelanggan.

Kerjasama jangka panjang ini bertujuan memberi peningkatan perlindungan kewangan kepada pelanggan Bank Islam. Melalui tawaran produk takaful yang komprehensif dan mudah diakses yang diuruskan oleh Takaful Malaysia, pelanggan akan menikmati perlindungan yang lebih kukuh untuk keperluan kehidupan mereka. Antaranya, ia termasuk produk Takaful *mySmart Wealth Plus*, Takaful *myPrime Cover* dan Takaful *mySmart Legacy*.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed, menjelaskan bahawa inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan Bank Islam untuk menyediakan produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang relevan dan inovatif.

"Pelanggan Bank Islam kini boleh mendapatkan produk takaful yang disediakan Takaful Malaysia melalui semua saluran jualan di cawangan-cawangan Bank Islam di seluruh negara." tambahnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal berkata, "Takaful Malaysia akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama Bank Islam dengan menawarkan pelbagai pelan perlindungan patuh syariah dan menyeluruh kepada pelanggan. Kami yakin bahawa gabungan kepakaran dan sinergi bersama Bank Islam akan meningkatkan portfolio perniagaan kami dalam segmen takaful keluarga dan takaful am. Langkah ini sejajar dengan strategi perniagaan kami untuk meneroka peluang baharu dan memperluas jangkauan ke pasaran berpotensi. Kami berhasrat untuk menjadi peneraju takaful yang bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi, tetapi juga memperkasakan masyarakat dengan solusi perlindungan yang lebih inklusif."

Majlis menandatangani perjanjian perkhidmatan Bankatakaful ini telah diadakan pada Khamis, 20 Mac 2025 di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur. Turut diadakan, majlis terbuka puasa bersama asnaf terpilih seramai 51 orang dari sekitar Lembah Klang. Asnaf yang diraikan berasal dari Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim/Miskin Daerah Sabak Bernam dan Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras. Sejumlah RM30,200 telah disalurkan dalam bentuk sumbangan, termasuk RM10,000 daripada dana zakat wakalah untuk kedua-dua rumah kebajikan serta RM10,200 yang disumbangkan kepada 51 asnaf yang menghadiri majlis ini.

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Mengenai Takaful Malaysia

Syarikat Takaful Malaysia Berhad ("STMB") ditubuhkan pada 29 November 1984. Selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA"), lesen komposit STMB dipisahkan kepada dua (2) entiti berlesen pada 1 Jun 2018. STMB, kini dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Takaful Malaysia Keluarga") menguruskan perniagaan Takaful Keluarga sementara Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Takaful Malaysia Am") menguruskan perniagaan Takaful Am. Takaful Malaysia Keluarga adalah syarikat induk yang memiliki 100% Takaful Malaysia Am dan mempunyai modal saham RM241.38 juta dengan jumlah aset RM16.7 bilion di peringkat Kumpulan pada 31 Disember 2024. Takaful Malaysia Keluarga dan Takaful Malaysia Am beroperasi melalui gabungan rangkaian pusat perkhidmatan di 24 lokasi seluruh negara.

Sila e-mel ke Perhubungan Awam dan Pengurusan Media Takaful Malaysia di BNC@takaful-malaysia.com.my untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut.